

THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

17 NOVEMBER 2023 | BIL: 58
www.richworks.com

richworks.com/thetitan

Industry View

Adakah Anda
Seorang *Workaholic*?
Semak 6 Tanda Ini!

DR. SITI NADZIRAH

TEMUI SINAR HARAPAN DI TENGAH JALAN



DULU KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG

Tak mudah untuk menggalas dua tanggungjawab berbeza pada waktu yang sama. Begitulah yang dirasai oleh Dr.Siti Nadzirah Zulkiffle yang merupakan pengasas kepada CT Vet Group Sdn.Bhd.

Membuka klinik haiwan sendiri bagi menanggung keluarga, beliau mulai rasa kesusahan untuk menguruskannya dek kerana hanya tahu merawat haiwan tetapi langsung tidak mempunyai ilmu tentang bisnes yang diusahakannya.

"Niat saya pada awalnya hanya untuk menanggung keluarga sahaja memandangkan saya merupakan anak sulung daripada tujuh beradik. Berbekalkan sedikit wang simpanan, saya mula membuka Klinik Haiwan CT VET yang dinamakan sempena nama saya.

"Disebabkan tiada ilmu bisnes, sayalah yang buat semuanya sendiri. Saya yang jaga kucing, sayalah di kaunter *reception* dan saya juga yang bersihkan najis kucing. Semuanya saya yang buatlah. Saya kerja dari 6 pagi hingga ke 12 tengah malam. Begitulah rutin saya setiap hari.

"Dalam tempoh lima tahun klinik beroperasi, memang saya sangat *struggle*. Sukar untuk uruskan kewangan, staf dan sebagainya. Ada

juga staf yang curi data pelanggan dan buat perniagaan sendiri di luar. Sememangnya saya sangat *struggle* untuk bina pasukan yang berkualiti.

"Untuk tiga tahun berturut-turut iaitu dari 2015 hingga ke 2019, saya kerja hari-hari. Orang lain bersuka-ria di Hari Raya, saya langsung tak cuti. Saya biarkan staf saja yang cuti," kongsinya yang merupakan bekas penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM).

KEMALANGAN JEJAS KEHIDUPAN

Bagai sudah jatuh ditimpa tangga, satu kejadian malang melanda hidupnya apabila beliau kemalangan hingga tangan kanannya patah dan saraf tubuh badannya rosak.

"Sejak dari itu, bermulalah cabaran hidup saya. Jika sebelum ini sudah rasa susah, tapi lepas kejadian itu kehidupan saya menjadi bertambah sukar.

"Selama enam bulan pertama, saya memang langsung tak boleh nak gerakkan tangan kanan saya. Nak pegang pensel pun tak boleh apatah lagi melakukan pembedahan. Sepanjang tempoh itu, saya tidak dapat bekerja hingga menyebabkan klinik menanggung hutang sebanyak RM200 ribu.



“Mulanya saya memang sudah mahu mengalah, tapi disebabkan tiada pilihan, saya memilih untuk bangkit semula pada Disember 2019. Saya mulakan semula. Ada hari dapat jualan sebanyak RM70, ada kalanya tak dapat langsung.

“Semua staf tinggalkan saya kecuali seorang sahaja. Saya tak salahkan mereka sebab memang pada waktu itu saya tak mampu untuk membayar gaji mereka,” jelasnya.

Tambah Dr. Siti Nadzirah, kehidupannya pada waktu itu memang kucar-kacir kerana ‘dikejar’ oleh pengedar disebabkan bebanan hutang yang ditanggungnya.

“Ada yang sampai nak hantar saya ke mahkamah. Tapi, perkara betul yang saya buat pada waktu itu adalah dengan menyenaraikan semua hutang-hutang saya. Bagi setiap jualan yang diterima setiap hari, saya hanya mengambil RM10 sahaja untuk saya alas perut.

“Keadaan juga menjadi bertambah buruk apabila saya turut mengalami depresi pada waktu itu dan menjauhkan diri daripada keluarga. Saya sangat stres sampailah di suatu tahap saya rasa penatnya menjadi seorang doktor.

“Saya mula merasakan mungkin bukan takdir saya untuk menjadi seorang pemilik bisnes. Semangat dan keyakinan diri saya mulai luntur pada waktu itu,” luahnya.

HILANG SEMANGAT JADI DOKTOR

Disebabkan beliau rasa berputus asa untuk terus menjadi doktor haiwan gara-gara usaha yang diberikan tidak setimpal dengan hasil yang diterima, Dr. Siti Nadzirah mulai mengambil keputusan yang berbeza dalam hidupnya iaitu dengan menjadi ejen kepada produk Mamasab.

“Bila jadi ejen itulah saya mula kenal dengan Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Selama ini



memang saya tidak pernah peduli pun tentangnya. Tapi, bila saya lihat cara pasukan Mamasab memotivasikan diri mereka, saya mula buat kajian mengenai RichWorks dan Dr. Azizan.

“Selepas buat kajian, barulah saya ambil keputusan untuk sertai program Zero Kos Marketing. Dari situlah saya ambil keputusan untuk sertai program pementoran Spire pada bulan Oktober 2020.

“Saya memang sudah pasrah. Apa nak jadi, jadilah. Di Spire, saya belajar pelbagai ilmu pemasaran dan lain-lain lagi. Kemudian, jualan saya terus melonjak naik hingga ke RM70 ribu. Kalau dulu paling tinggi pun boleh dapat jualan setakat RM50 ribu saja.

“Dalam tempoh tiga ke empat bulan pertama di Spire, jualan saya tiba-tiba meningkat naik menjadi sekurang-kurangnya RM100 ribu sebulan,” kata wanita yang berasal dari Johor ini.



Disebabkan jualan yang terus melonjak naik, beliau tidak menunggu lama untuk ke program pementoran Titanium pula dan berjaya mencapai RM1 juta pertamanya sewaktu bergelar ahli Titanium.

“Alhamdulillah, saya diberi peluang untuk menjadi ahli Titan. Banyak sangat yang telah saya pelajari di situ.

“Masa tahun pertama menjadi ahli Titan, Dr. Azizan banyak mengajar tentang cara menguruskan perniagaan, bagaimana untuk menjadi pemimpin yang bagus, cara untuk bina pasukan dan lain-lain lagi.

“Daripada situ, saya ambil dan aplikasikan semua langkah satu per satu. Pada waktu itu saja banyak kesilapan dapat saya perbetulkan selepas bertahun-tahun berniaga,” ujarnya.

KEPUTUSAN BERMENTOR PILIHAN YANG TEPAT

Bersyukur mendapat peluang untuk memperbaiki diri dan juga bisnes, beliau kini boleh bergembira dengan keadaan perniagaannya yang terus menunjukkan prestasi yang membanggakan berbanding dahulu.

“Alhamdulillah, jualan syarikat makin menaik. Pasukan juga sudah semakin berkembang dan syarikat kini sudah mempunyai jabatannya sendiri seperti jabatan sumber manusia, pemasaran dan sebagainya.

“Selain itu, saya kini lebih mahir untuk berkomunikasi dengan staf. Ini semua kerana Dr. Azizan dan juga RichWorks. Beliau sentiasa ada walaupun bukan di sebelah tapi maksudnya *always be present*. Itu yang saya sangat kagum dengan diri beliau.

“Beliau juga selalu ingatkan agar jangan bandingkan diri kita dengan orang lain. Ada bisnes yang sudah mencapai ratusan juta, ada



orang yang *slow*, ada yang sedang perbaiki bisnes dan sebagainya. Beliau selalu cakap bahawa kalau kita buat satu benda pun kita akan nampak perkembangannya. Jadi, itulah kata-katanya yang saya pegang hingga kini. *Trust the process,*" cerita lagi.

Tidak pernah menyesal berada dalam program pementoran Titanium, beliau dapat merasakan hidupnya kini semakin teratur dan tidak membebankan lagi seperti dahulu.

"Saya memang join Titan sebab saya nak rapat dengan Dr. Azizan untuk belajar lebih lagi bersamanya. Alhamdulillah, saya tidak pernah menyesal kerana merasakan hidup saya kini lebih teratur dari segi agama dan juga karakter kita sebagai individu.

"Dulu saya mudah stres dan cepat marah terhadap staf. Kini, tidak lagi. Kalau ada apa-apa masalah saya akan menjadi tegas tapi tidak melenting seperti dahulu. Di samping itu, saya

juga belajar untuk menjadi seorang pendengar yang lebih baik," jelasnya yang bakal membuka cawangan CT VET yang ketiga tidak lama lagi.

Selain bersyukur dengan pencapaian syarikat, beliau juga turut berbangga apabila melihat pencapaian stafnya yang menunjukkan transisi hebat dalam kehidupan mereka.

"Ada staf saya yang paling lama berkhidmat tidak pernah ada simpanan langsung sebelum ini. Tapi kini, dia sudah ada simpanan sendiri bernilai ribuan ringgit.

"Di samping itu, kami di CT VET juga menghendahkan gelas emas sebagai penghargaan buat staf yang dikasihi. Ada juga staf yang mudah untuk mendapatkan kelulusan pinjaman disebabkan syarikat kita menguruskan dokumen dengan betul. Itu sememangnya memberikan suatu kepuasan buat diri saya," luahnya dengan gembira.

Buat anda yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang klinik haiwannya, layari Facebook Klinik Haiwan Ct Vet HQ untuk mendapatkan info mengenainya.



3

NASIHAT



PERTAMA, CARI GURU BISNES LEBIH AWAL

"Cari mentor dalam bisnes seawal anda mula berniaga. Belajarlah daripada mentor yang betul, yang berpengalaman, berilmu dan ada *proven results* seperti Dr. Azizan," tegasnya.

KEDUA, JANGAN PERNAH MENGALAH

"Setiap *roadblock* yang ada adalah petanda untuk kita lebih berjaya di kemudian hari. Mungkin hari ini kita tak nampak jalan keluar. Perkara pertama yang perlu dilakukan adalah jangan berputus asa dan jangan patah balik.

"Walau apa jua halangan yang mendatang, teruskan ke hadapan. Sebab itulah pentingnya untuk ada mentor. Jika kita buntu, mentorlah yang akan hulurkan bantuan," tambahnya.

KETIGA, IKHLAS BILA BERNIAGA

"Bila menjadi usahawan, kita perlu ada niat yang ikhlas untuk menjalankan perniagaan. Ingat kembali tujuan kita berbisnes, itu sangatlah penting.

"Kalau macam dulu, niat saya mulakan bisnes adalah untuk bantu keluarga sahaja. Tapi, sekarang niat saya adalah untuk bantu keluarga, staf dan juga pelanggan. Jadi, niat adalah sangat penting.

"Apabila niat kita sudah besar, kita tidak akan ada masa untuk *down* di saat kita bangun pagi. Kita akan terus fikir, 'apa tujuan aku berbisnes?'

"Disebabkan itulah tujuan saya berubah. Bila niat sudah menjadi besar, masalah kecil pastinya kita dapat harungi dengan baik. Kita pasti akan redah dan mencari solusi untuk setiap masalah yang dihadapi. Kalau kita berputus asa, tiada siapa yang dapat membantu melainkan diri kita sendiri," nasihatnya lagi.

ADAKAH ANDA SEORANG WORKAHOLIC? SEMAK 6 TANDA INI!

WORKAHOLIC ADALAH SESEORANG YANG BEKERJA SECARA LUAR BIASA DAN MAMPU BEKERJA DAN FOKUS PADA KERJA LEBIH LAMA DARIPADA ORANG BIASA.

Mereka mempunyai kehidupan yang tidak seimbang kerana mengutamakan kerja berbanding dengan perkara yang lain. Ada daripada mereka yang terlampau kuat bekerja sehingga menjadi suatu obsesi.

Kajian yang diterbitkan oleh Bloomberg tahun 2022 menunjukkan bahawa Kuala Lumpur adalah bandar ketiga di Asia yang penduduknya terlalu kuat bekerja.

Orang yang *workaholic* berasa mereka perlu berjaya dan mempunyai banyak wang untuk merasa kepuasan dan bahagia.

Tapi sebenarnya mereka terlupa, kunci kebahagiaan tak lengkap tanpa hubungan dan aktiviti harian sesama manusia. Sebab itu mereka terus bekerja tanpa henti.

Sesetengah orang mungkin tak dapat nak bezakan antara *workaholic* dengan '*passionate*' terhadap kerja.

6 TANDA-TANDA ORANG YANG WORKAHOLIC

- Tidak mahu membahagikan tugas dengan orang lain dan cenderung untuk melakukan

sendiri walau sekecil-kecil tugas.

- Cuba masukkan perkara lain dalam kerja seperti aktiviti harian, penglibatan keluarga dalam pekerjaan dan sebagainya.
- Sentiasa memikirkan tentang kerja walaupun sedang bercuti atau sewaktu meluangkan masa bersama keluarga.
- Rasa cemas jika tidak berada di pejabat lebih daripada satu atau dua hari.
- Makan di meja kerja supaya boleh makan sambil bekerja.
- Selalunya menjadi orang pertama tiba di pejabat dan orang yang terakhir keluar.

Orang yang *workaholic* bukan hanya boleh menjejaskan diri sendiri, malah ia memberi kesan yang negatif kepada kehidupan keluarga dan rakan anda.

Tak mustahil hubungan kekeluargaan anda mula renggang dan kesihatan anda boleh terjejas.

BAGAIMANA CARA ORANG YANG WORKAHOLIC BEKERJA?

MENYEKAT KREATIVITI

Orang yang '*passionate*' dengan kerja akan menjadi sangat kreatif kerana dia sentiasa bersemangat dan ada masa untuk memikirkan apa yang terbaik untuk kerjanya.

Lain pula dengan orang yang *workaholic*.

Mereka bekerja ibarat mesin sehingga menyekat imaginasi dan kreativiti.

Workaholic hanya mendorong diri mereka untuk terus mendahului apa yang mereka takuti tanpa menyedari apa perkara yang mereka boleh beri lebih banyak lagi.

AKTIFKAN MOOD NEGATIF

Mampu buat tugas dengan penuh bersemangat dan cekap adalah bagus dalam sesebuah organisasi.

Namun tugas yang tidak berkesudahan akan menimbulkan tekanan dalam diri.

Orang yang *workaholic* tidak memiliki masa yang cukup dalam 24 jam. Malah mereka akan kehilangan banyak masa yang sangat bermakna dalam hidup.

Anda gembira dengan keadaan ini? Mungkin anda rasa anda gembira, tapi adakah orang sekeliling anda turut gembira?

Tabiat ini hanya akan membuatkan orang lain sukar untuk bekerjasama dan hubungan bersama keluarga akan menjadi renggang.

MASALAH KESIHATAN MENINGKAT

Fikiran orang yang *workaholic* mungkin merasakan dia mampu melakukan semua perkara, tapi tubuh badan manusia ada hadnya dalam melakukan tugas. Ia perlukan rehat yang cukup.

Cara hidup *workaholic* mengundang kepada lebih banyak kes keletihan, kebimbangan, tekanan darah tinggi serta masalah jantung.

Gaya hidup yang tidak seimbang juga mengundang kepada penuaan yang lebih cepat dari usia sebenar.

Salah satu nasihat terbaik untuk orang yang sedar dia adalah *workaholic*, dapatkan bantuan profesional.

Bantuan ini boleh datang dari mentor dalam kehidupan atau bisnes, ahli terapi atau kaunselor dalam kerjaya bergantung kepada tahap ketagihan kerja anda.

Seorang profesional boleh membantu menentukan sama ada anda berada dalam cara kerja yang salah atau tidak.

Jika perlu ditangani, mereka juga boleh membantu anda mencipta tabiat yang lebih sihat.

Jika anda seorang yang *workaholic*, inilah masanya untuk membuat perubahan.

Fikirkan tentang mengapa anda mula menjadi *workaholic* dan apakah keperluan dalaman yang anda cuba penuhi?

Apabila anda memikirkannya dan dapat jawapan, anda boleh mula pulih dari kegilaan kerja anda dan mencapai kehidupan yang luar biasa. Insya-Allah.



Anjuran Bersama

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

**Ayuh Usahawan JOHOR,
KUASAI Pemasaran,
Luaskan Perniagaanmu!**



Bersama
D A T U K W I R A
**DR. AZIZAN
OSMAN**

10X **SME
BINA
BISNES 2023
BERJAYA**



**25-26 NOVEMBER 2023 | KSL RESORT
JOHOR BAHRU CITY CENTRE**

Daftar Sekarang. Seat Terhad!

#RoadTo1stMillion

binabusinessberjaya.com

EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM

Klinik Usahawan **SIRI BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZANOSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



Buku Untuk Usahawan Bakal Jutawan!

+

Sesi Penilaian Perniagaan Anda berharga **RM497**

100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama



E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.